

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Bank Negara akan muktamadkan kadar premium insurans



Putrajaya: Rundingan semula berhubung kenaikan premium insurans perubatan yang menjadi rungutan ramai sedang berlangsung, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) hanya akan memuktamadkan kadar premium insurans itu selepas rundingan semula diadakan dengan pihak berkaitan selesai.

"Sebenarnya laporan BNM mahu muktamadkan (premium insurans) selepas berunding balik (dengan pihak insurans).

"Setakat ini prosesnya masih dirunding semula," katanya kepada pemberita selepas menikmati makan tengah hari di Restoran Q-Bistro, Presint 15, sebelum menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Manar Presint 14.

BNM mengarahkan penangguhan insurans dan pengendalian strategi penentuan semula harga untuk memastikan pelaksanaan yang lebih wajar.

Menurut BNM, hal ini termasuk menguruskan secara bertepatan kenaikan premium/sumbangan dengan mengambil kira impak terhadap pemegang polisi/peserta takaful.

Kelmarin, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, dilaporkan berkata, syarikat insurans dan ITO sudah menyatukan persetujuan untuk mengambil langkah wajar termasuk meneliti semula cadangan menaikkan harga premium insurans perubatan yang dijangka meningkat sehingga 70 peratus tahun depan.

Hui Ying dilaporkan berkata, antara komitmen dipersetujui ITO adalah melaksanakan pelarasan semula harga premium insurans perubatan secara berperingkat.

Selain itu, ITO akan memastikan ada talian hotline khusus bagi setiap syarikat untuk menawarkan caruman fleksibel, memberikan pilihan untuk pelan perkhidmatan berbeza dan menyediakan mekanisme penyelesaian yang lebih berkesan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : NASIONAL

Aduan doktor dipukul MA berasas

JKN Perak tubuh jawatankuasa siasat laporan, beri surat teguran kepada suspek

Oleh Muhamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

Gerik: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat dakwaan seorang doktor dipukul penolong pegawai perubatan (MA) lelaki di Hospital

Gerik, Jun lalu.

Pengarah Kesihatan Perak, Dr Feisul Idzwan Mustapha, berkata jawatankuasa itu ditubuhkan pada hari sama doktor lelaki itu membuat aduan, iaitu 4 Jun lalu dan siasatan dilaksanakan pada 12 Jun.

Katanya, hasil siasatan mendapati aduan itu berasas.

"Susulan itu, Pengarah Hospital Gerik sudah mengeluarkan surat teguran kepada pegawai terbabit pada 31 Julai lalu. Surat pemakluman hasil siasatan dalaman dihantar kepada pengadu, Dr Aidid Nawawi Ghazali pada 1 Ogos," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Feisul Idzwan berkata, Jabatan Kesihatan Perak juga sudah berhubung dengan pengadu

dan menawarkan khidmat kaunseling.

"Kementerian Kesihatan (KKM) memandang serius sebarang perlakuan buli atau penggunaan kekerasan terhadap sebarang bentuk kekerasan di tempat kerja," katanya.

Dipukul sembilan kali

Isnin lalu, seorang pengguna Facebook bernama Aidid Nawawi Ghazali mendakwa dipukul sembilan kali, iaitu tujuh di belakang badan dan dua lagi di kepala oleh seorang penolong pegawai perubatan.

Doktor itu mendakwa kejadian berlaku ketika beliau sedang merawat seorang pesakit wanita yang cedera akibat diserang dan

aurat pesakit itu terdedah.

Katanya, penolong pegawai perubatan yang beliau gelar sebagai Mr H itu bukan daripada pasukan kecemasan, namun Mr H masuk ke bilik rawatan hospital itu atas alasan dia mengenali pesakit wanita itu ketika sekolah menengah.

Doktor itu berkata, beliau dengan sopan mengiringi Mr H keluar dari bilik rawatan sambil menjelaskan dia tidak sepatutnya berada di situ kerana tidak mempunyai pertalian darah dengan pesakit.

"Tidak lama kemudian, Mr H masuk ke dalam bilik rawatan sekali lagi, kali ini ketika pegawai polis hadir untuk mengambil keterangan pesakit.

"Saya mengingatkan Mr H dia tiada urusan untuk berada di situ, terutama apabila aurat pesakit terdedah. Bagaimanapun, Mr H memukul saya tujuh kali di bahagian belakang dan dua kali di kepala saya.

"Saya dipukul, dihina dan dibiarkan terkejut sementara rakan sekerja dan pegawai polis hanya berdiri di situ. Mr H keluar seperti tiada apa yang berlaku," katanya.

Aidid Nawawi mendakwa, dia berasa tidak adil dengan rumusan siasatan dalaman ekoran pelaku tidak menerima apa-apa tindakan, tidak memohon maaf dan kekal boleh bekerja seperti biasa, sementara pengadu mengalami trauma akibat kejadian itu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



PREMIUM insurans perubatan dijangka mengalami kenaikan sehingga 70 peratus. - GAMBAR HIASAN

Premium insurans perubatan belum dimuktamadkan

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan penetapan premium insurans perubatan bagi tahun depan belum dimuktamadkan.

Katanya, beliau telah dimaklumkan bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) sedang memuktamadkan perkara itu selepas ia (perbincangan bagi menetapkan kenaikan premium) dirunding semula.

"Jadi setakat ni proses itu masih dirunding semula," katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Manar, Presint 14 di sini semalam.

Kelmarin, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying memaklumkan, Kementerian Kewangan dalam proses rundingan dengan pihak berkaitan berhubung kenaikan premium insurans perubatan antara 40 dan 70 peratus pada tahun depan.

Hui Ying dilaporkan berkata, BNM masih berunding bagi

“

Katanya, beliau telah dimaklumkan bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) sedang memuktamadkan perkara itu selepas ia (perbincangan bagi menetapkan kenaikan premium) dirunding semula.”

mengatasi isu berkenaan.

Sebelum ini, media melaporkan caruman insurans dijangka mengalami kenaikan sehingga 70 peratus.

Cadangan berkenaan bagaimanapun mendapat bantahan ramai pihak termasuk beberapa Ahli Parlimen yang menggesa campur tangan daripada BNM.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Laporan BNM akan dimuktamadkan semula selepas rundingan dengan syarikat insurans, pengendali takaful

Kenaikan caj premium insurans masih dalam rundingan - PM

Oleh AISYAH BASARUDDIN
PUTRAJAYA



Laporan Sinar Harian pada 28 November lalu.

su kenaikan caj premium insurans sekitar 40 hingga 70 peratus yang dikenakan terhadap pengguna masih dalam proses rundingan semula.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, laporan Bank Negara Malaysia (BNM) akan dimuktamadkan semula selepas mengadakan rundingan dengan syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO) serta pihak berkepentingan lain.

"Laporan BNM dimuktamadkan selepas mereka berunding. Setakat ini prosesnya masih dirunding semula," katanya ketika ditemui pemberita di sini pada Jumaat.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Bayan Baru,



ANWAR

Sim Tze Tzin berpandangan BNM tidak sepatutnya 'lepas tangan' hanya kerana ia keputusan perniagaan dibuat syarikat insurans kesihatan.

Beliau berkata, umum mengetahui kenaikan kadar premium insurans kesihatan amat berkait rapat dengan caj hospital swasta yang melambung tinggi sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Susulan itu, BNM telah mengarahkan ITO untuk menyemak strategi penentuan semula harga insurans perubatan serta kesihatan (MHIT) bagi memastikan pelaksanaan yang lebih wajar.

Kata bank pusat itu, perkara tersebut per-

lu dilakukan termasuk menguruskan kenaikan premium secara berterusan atau sumbangan dengan mengambil kira impak terhadap pemegang polisi takaful.

Jelas BNM, ITO juga dikehendaki menyediakan pilihan penyelesaian sesuai untuk pemegang polisi yang sangat terkesan disebabkan peningkatan premium bagi terus menikmati perlindungan insurans.

Terbaru, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying pada Khamis memaklumkan syarikat insurans dan pengendali takaful bersetuju untuk meneliti semula kenaikan premium.

Menurut Hui Ying, ITO turut memberi jaminan untuk mengambil langkah wajar termasuk meneliti semula cadangan menaikkan harga premium insurans perubatan yang dijangka bermula tahun hadapan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

Perkenal program kesihatan mental

Bagi mengurangkan stigma dan meningkatkan literasi mental

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM

Kerajaan disaran memperkenalkan program wajib mengenal kesihatan mental di semua institusi pendidikan untuk mengurangkan stigma dan meningkatkan literasi mental.

Pakar Psikologi Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Fauziah Mohd Saad berkata, stigma masyarakat terhadap masalah mental membuatkan ramai pelajar takut mendapatkan bantuan sekali gus menyumbang kepada peningkatan kes masalah kesihatan mental golongan tersebut.

Justeru katanya, kerajaan juga wajar memperluaskan sokongan kaunseling de-



FAUZIAH


ngan menambah bilangan kaunselor bertauliah yang mudah diakses di sekolah dan universiti.

"Perlu perkasakan juga sistem sokongan rakan sebaya dengan melatih pelajar menjadi *peer support* untuk membantu rakan-rakan mereka yang memerlukan."

"Selain itu, laksanakan pengubahsuaian kurikulum dengan kurangkan penekanan pada peperiksaan dan tingkatkan aktiviti yang membina kesejahteraan pelajar, seperti sukan dan seni," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau mengulas Laporan Tinjauan Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang menunjukkan masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa institusi pengajian tinggi memabitkan kumpulan umur kanak-kanak, remaja dan belia menunjukkan peningkatan dua kali ganda.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni dilaporkan berkata, berdasarkan laporan itu, masalah mental mencatatkan kenaikan daripada 7.9 peratus iaitu 424,000 orang pada 2019 kepada 16.5 peratus (922,318 orang) tahun lalu.



Stigma masyarakat terhadap masalah mental membuatkan ramai pelajar takut mendapatkan bantuan sekali gus menyumbang kepada peningkatan kes masalah kesihatan mental golongan tersebut. - Gambar hiasan

Mengulas lanjut, Fauziah berkata, beberapa cabaran utama dihadapi pelajar dan mahasiswa, antaranya tekanan akademik melabatkan beban kerja yang tinggi, keperluan untuk mencapai kecemerlangan akademik dan persaingan sengit.

Selain itu jelasnya, masalah kewangan juga menjadi punca kepada tekanan besar kepada pelajar disebabkan kos sara hidup meningkat dan hutang pendidikan.

"Pelajar juga sukar mengimbangi antara akademik, tanggungjawab keluarga, pekerjaan sambilan dan kehidupan sosial, selain kekurangan sokongan sosial terutama bagi pelajar yang tinggal jauh dari-

pada keluarga.

"Gangguan emosi juga boleh wujud akibat perbandingan sosial dan buli siber dan cabaran menyesuaikan diri dengan perubahan besar seperti memasuki universiti atau dunia pekerjaan," ujarnya.

Beliau berkata, walaupun terdapat usaha kerajaan dalam menangani isu kesihatan mental pelajar dan mahasiswa, masih terdapat beberapa kelemahan ketara.

"Sistem pendidikan masih kurang menekankan kesejahteraan emosi dan mental. Kempen kesedaran juga tidak menyeluruh dan tidak menjangkau golongan pelajar yang paling memerlukan," katanya.

Peruntukkan lebih dana bagi perkhidmatan kesihatan mental

SHAH ALAM - Kerajaan perlu memperuntukkan lebih banyak dana dan perkhidmatan bagi mengatasi masalah mental dalam kalangan belia serta kanak-kanak.

Ia susulan pendedahan Laporan Tinjauan Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) menunjukkan masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa institusi pengajian tinggi berada di tahap membimbangkan.

Ketua Putera MIC Kebangsaan, Dr Shatesh Kumar Sangar berkata, berdasarkan laporan masalah kesihatan mental kanak-kanak, remaja dan belia meningkat dua kali ganda iaitu daripada 7.9 peratus bersamaan 424,000 orang pada 2019 kepada 16.5 peratus atau 922,318 orang pada 2023.

"Kerajaan perlu menubuhkan lebih banyak klinik atau pusat kesihatan mental berasaskan komuniti untuk menyediakan perkhidmatan berpatutan dan mudah diakses selain memastikan sokongan kesihatan mental tersedia dekat dengan rumah.

"Klinik ini boleh berfungsi sebagai ruang selamat di mana orang ramai boleh mendapatkan bantuan tanpa rasa takut terhadap stigma. Hal ini kerana, ketika ini hanya terdapat 37 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) di seluruh



SHATESH

negara. Sekurang-kurangnya setiap daerah di negara ini harus mempunyai satu Pusat Mentari," katanya dalam kenyataan.

Menurut Shatesh, bilangan Pakar Psikiatri Kanak-Kanak dan Remaja di hospital kerajaan seramai 18 orang juga turut mencatat kebimbangan serius.

Katanya, bagi memastikan Dasar Kesihatan Mental Negara terus relevan dan

efektif, beberapa cadangan perlu diperimbangkan bagi menghadapi cabaran tersebut.

Beliau berkata, kesihatan mental adalah isu yang perlu diambil serius dan tanpa sokongan serta tindakan tepat, ia akan beri kesan negatif jangka panjang.

"Perkhidmatan kesihatan mental, termasuk terapi, kaunseling dan sokongan psikiatri perlu lebih mudah diakses oleh orang ramai di kawasan bandar dan luar bandar.

"Ini termasuk meningkatkan jumlah profesional kesihatan mental seperti psikologi, psikiatri serta kaunselor terutamanya di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan.

"Saya percaya dengan usaha bersama daripada semua pihak, kita dapat membentuk persekitaran yang lebih baik bagi golongan muda untuk berkembang secara sihat dan seimbang," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN

Kadar premium insurans belum muktamad - PM

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kenaikan kadar premium insurans perubatan bagi tahun depan masih belum dimuktamadkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) kini sedang memuktamadkan perkara itu selepas perbincangan bagi

Bank Negara
Malaysia runding
semula cadangan
tetapkan kenaikan

menetapkan kenaikan premium itu dirunding semula.

"Saya dimaklumkan oleh Bank

Negara mengenai perkara itu. Jadi, setakat ini proses itu masih dirunding semula," katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Manar, Presint 14, di sini semalam.

Kelmarin, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying memaklumkan, Kementerian Kewangan dalam proses rundingan dengan pihak berkaitan berhubung kenaikan premium insurans perubatan antara 40 dan

70 peratus pada tahun depan.

Hui Ying dilaporkan berkata, BNM masih berunding bagi mengatasi isu berkenaan.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, kenaikan kadar premium insurans perubatan bermula tahun depan dilihat begitu membebankan pengguna ketika mereka sedang berdepan kos sara hidup yang kian meningkat.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kadar premium insurans belum muktamad - PM

Dari muka 1

Sebelum ini, beberapa ahli Parlimen membangkitkan mengenai kenaikan premium insurans berkenaan yang disifatkan tidak munasabah dan membebankan rakyat.

Pada 28 November lalu, BNM mengarahkan syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO) menyemak strategi penentuan semula harga insurans perubatan serta kesihatan (MHIT) untuk memastikan ia lebih wajar.

Ia termasuk menguruskan kenaikan premium atau sumbangan dengan mengambil kira impak terhadap pemegang polisi takaful.

Bagaimanapun pada 3 Disember lalu, Persatuan Insurans Hayat Malaysia yang mewakili ITO telah mengumumkan bahawa kenaikan insurans akan dikekalkan.

Meskipun syarikat-syarikat insurans memberikan alasan kos perubatan di hospital-hospital swasta yang semakin mahal, ia masih disifatkan amat tidak wajar berikutan meletakkan beban kepada pengguna semata-mata.

Sebagai rekod, - pengamal perubatan swasta mempunyai garis panduan dalam mengenakan yuran profesional, namun tidak melibatkan perkhidmatan dan bekalan hospital terdiri daripada barangan seperti pengimejan, ujian makmal, ubat-ubatan, perawat dan peralatan perubatan seperti ventilator serta mesin dialisis.

Majoriti pengguna kad in-



ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan para jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Manar Presint 14, Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

surans perubatan meluahkan rasa tidak berpuas hati ekoran kenaikan kadar premium yang dikenakan antara 40 sehingga 70 peratus bermula tahun depan.

Kebanyakan mereka mempersoalkan kenaikan tersebut yang bukan hanya membebankan, malah disifatkan sebagai tidak munasabah.

Bagi pengguna yang hanya mahu dikenali sebagai Hamidi, setakat ini dia sudah menerima surat daripada syarikat insurans yang menyatakan kadar kenaikan berkenaan akan berkuat kuasa Februari tahun depan.

"Pada tahun ini syarikat berkenaan sudah pun menaikkan kadar polisi lebih RM40 dan untuk tahun depan, kadar tersebut naik sekali ganda lagi.

"Sebelum ini saya bayar sebanyak RM188.47 sebulan dan selepas ini saya perlu bayar pula sebanyak RM237.34 sedangkan pada tahun lalu berlaku lagi kenaikan, iaitu daripada RM157.69 kepada RM188.47.

"Persoalannya, mengapa kenaikan (polisi) berlaku setiap tahun? Perkara sebegini betul-betul membebankan kami," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Dalam pada itu, Hamidi

berkata, kenaikan tersebut sangat ketara dan menimbulkan pelbagai persoalan.

"Ia bagaikan acara tahunan. Setiap kali minta penjelasan mereka akan kata ia disebabkan kenaikan kos rawatan. Apakah bukti yang mengatakan kos rawatan meningkat setiap tahun?

"Adakah kenaikan ini disebabkan perkhidmatan daripada hospital swasta yang kita sendiri pun tidak tahu apakah garis panduan ditetapkan untuk setiap pesakit? Adakah terdapat 'pakatan' antara syarikat insurans dan hospital swasta dalam hal ini?" soalnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS/ NATION

OFFENDER PUNISHED

DEPT CONFIRMS DOCTOR BULLYING CASE

Assistant medical officer in Gerik Hospital has been reprimanded, says Perak health director

MUHAMAD LOKMAN KHAIRI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Perak Health Department has confirmed that a doctor has been bullied and abused by a male assistant medical officer at Gerik Hospital in June.

Its director Dr Feisul Idzwan Mustapha said the department made this finding following an internal investigation into the workplace incident, which found the complaint lodged by Dr Aidid Nawawi Ghazali to be valid.

"The Health Ministry takes bullying and violence very seriously and maintains zero tolerance towards any form of workplace violence," he said yesterday.

An Independent Investigation Committee was established on the same day Dr Aidid lodged his

complaint on June 4, with the investigation commencing on June 8.

"Following this, the Gerik Hospital director issued a letter of reprimand to the assistant officer involved on July 31.

"The findings of the internal investigation were communicated to the complainant on Aug 1," Feisul said.

On Monday, Facebook user Aidid Nawawi Ghazali, who claimed to be a medical officer at Gerik Hospital, alleged that he was struck nine

times — seven on the back and

twice on the back of the head — by an assistant medical officer working in the same hospital.

The doctor claimed that the incident occurred while he was treating a female patient who was injured in an assault, during which parts of her body were exposed.

He said the assistant medical officer, referred to as "Mr H", was not part of the emergency team but had entered the treatment room under the pretext of knowing the patient from their school days.

The doctor explained that he politely escorted Mr H out of the room, telling him that he had no reason to be there as he was not related to the patient.

"Not long after, Mr H re-entered the treatment room as a police officer was present to take the patient's statement," he said.

"I reminded him that he had no business being there, especially when the patient's body is exposed.

"However, Mr H then struck me seven times on the back and twice on the back of my head.

"I was assaulted, humiliated, and left in shock, while my colleagues and the police officer just stood there. Mr H left as if nothing had happened," he said.

Aidid also expressed dissatisfaction with the outcome of the investigation, alleging that the perpetrator had faced no consequences, offered no apology and could continue working as usual, whereas he was left traumatised by the incident.



Dr Feisul Idzwan Mustapha

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Action taken against medical assistant for bullying

IPOH: A medical assistant has been reprimanded for bullying a doctor at Gerik Hospital.

Perak health director Dr Feisul Idzwan Mustapha said the person in question was issued a letter reprimanding him on July 31, following an internal investigation on the matter.

"The internal investigation committee was set up on June 4, the same day the complaint was lodged."

An investigation was conducted and found that the complaint had basis, he said in a statement on Facebook on Thursday.

Dr Feisul Idzwan had issued the

statement following a post on Facebook uploaded by one Aidid Nawawi Ghazali, who claimed he was traumatised after being beaten up by an medical assistant.

In the post, Aidid Nawawi claimed that he was hit on his back seven times and twice behind his head.

Dr Feisul Idzwan said a letter to Aidid Nawawi to inform him about the investigation was sent on Aug 1.

He added that an independent investigation committee on the incident has also been established and offered counselling services to Aidid Nawawi.